

To be filled up by individual participant

NAME: SHARIFAH NOR AEIRIZA BINTI SYED SHAROM

Designation: Arkitek Penguasa

1. Briefly describe your role in this project

Senaraikan dengan ringkas peranan anda dalam projek ini

Sebagai HOPT, HODT dan WPP Utama bagi Projek Kerja-Kerja Ubahsuai Bangunan Budi Penyayang di Bertam Untuk Dijadikan Bangunan Pejabat Jabatan Audit Negara (JAN) Negeri Pulau Pinang.

2. Briefly describe the challenges you faced in this project

Senaraikan dengan ringkas cabaran yang di hadapi dalam projek ini

- i) Projek ini melibatkan kerja-kerja ubahsuai bangunan sedia ada untuk dijadikan bangunan pejabat dimana ruang-ruang sedia ada ini adalah terhad dan menjadi cabaran bagi perekabentuk dalam menyediakan sebuah ruang kerja yang kondusif dan selamat serta menepati keperluan pelanggan.
- ii) Kerja-kerja ubahsuai bangunan sediada kepada bangunan pejabat ini melibatkan keseluruhan kompleks bangunan setinggi 3 tingkat dan melibatkan kerja-kerja pengubahsuai luar dan dalam serta perlu dilaksanakan pembinaanya iaitu selama 4 bulan sahaja seprtimana yang telah dipersetujui oleh pihak pelanggan.
- iii) HODT perlu menyediakan rekabentuk dalam peruntukan yang telah ditetapkan dan tanpa menjelaskan keperluan pelanggan seprtimana brief projek.
- iv) Ketidaaan lukisan siap bina bangunan sedia ada yang lengkap menyukarkan pihak HODT dalam menyediakan rekabentuk dalam tempoh yang terhad.

3. Briefly describe the achievements in this project

Senaraikan dengan ringkas kejayaan yang di capai dalam projek ini

- i) Projek ini telah berjaya disiapkan lengkap dengan 3 dalam 1 iaitu Perakuan Siap Kerja (CPC), Lukisan Siap Bina dan Penyata Akaun Muktamad (SOFA).

4. If you had an opportunity to be involved in a similar project all over again, what processes or activities should have been done differently and why?

Sekiranya anda terlibat dalam projek sebegini sekali lagi, apakah proses kerja yang harus dilakukan secara berlainan dan mengapa ?

- i) Bagi proses rekabentuk, semua HODT perlu memastikan rekabentuk yang disediakan adalah meliputi keseluruhan aspek dan menepati brief pelanggan bagi mengelakkan variation order (V.O) semasa pembinaan.
- ii) Cadangan bagi tempoh pembinaan haruslah meliputi segala aspek dan memerlukan perbincangan bersama diantara HOPT, HODT dan pelanggan bagi mendapatkan tempoh pembinaan yang ideal bagi mengelakkan lanjutan masa semasa pembinaan.

TEMPLATE TO BE USED FOR REPORT

1. CLARITY OF PROJECT OBJECTIVES/DELIVERABLES/EXPECTATIONS PENJELASAN OBJEKTIF / HASIL / KEPERLUAN	
WHAT WENT WELL? APA BERLAKU DENGAN LANCAR <ol style="list-style-type: none">1. Brif projek dan skop kerja daripada pihak pelanggan adalah jelas.2. Pihak JKR Negeri Pulau Pinang sebagai pasukan pelaksana projek merangkumi HOPT, HODT dan penyeliaan projek.3. Peruntukan yang disediakan oleh pihak pelanggan adalah tetap dan tiada peruntukan tambahan yang disediakan.4. Tempoh pelaksanaan projek bermula dari peringkat perancangan sehingga pembinaan adalah dipersetujui oleh pihak pelanggan.5. Komunikasi antara agensi pelaksana dengan pihak pelanggan adalah baik dan berkesan.	WHAT COULD HAVE BEEN DONE BETTER ? APA BOLEH DILAKUKAN DENGAN LEBIH BAIK <ol style="list-style-type: none">1. Brif pelanggan memohon perabot mudah alih dibekalkan sebagai salah satu skop kerja dan memohon pihak JKR untuk melaksanakannya. Pembelian perabot mudah alih adalah perlu melalui Kontrak Pusat dan jika pihak JKR dimohon untuk melaksanakannya, pihak pelanggan perlu mendapatkan kelulusan daripada pihak Kementerian Kewangan (MOF) terlebih dahulu sebelum projek ditender. Ini adalah perlu sebagai salah satu faktor dalam memastikan penyiapan projek mengikut tempoh yang telah dirancang dan ditetapkan.

PROJECT LEARNINGS WORKSHOP: KERJA-KERJA UBAHSUAI BANGUNAN BUDI PENYAYANG DI BERTAM UNTUK DIJADIKAN BANGUNAN PEJABAT JABATAN AUDIT NEGARA (JAN) NEGERI PULAU PINANG.

LESSONS LEARNT:

PEMBELAJARAN

1. Pihak pelanggan perlu memastikan sebarang kelulusan yang berkaitan skop kerja projek haruslah diperolehi terlebih dahulu daripada pihak yang berkaitan sebelum projek ditender bagi memudahkan pihak JKR dalam merancang pelaksanaan projek dengan efisien.
2. Komunikasi yang berkesan di antara pihak pelanggan dan pihak JKR telah memudahkan proses perancangan, rekabentuk dan pelaksanaan projek sepetimana brif pelanggan dapat dicapai dengan jayanya.

TEMPLATE TO BE USED FOR REPORT

2. PLANNING <i>PERANCANGAN</i>	
WHAT WENT WELL? <i>APA BERLAKU DENGAN LANCAR</i>	WHAT COULD HAVE BEEN DONE BETTER ? <i>APA BOLEH DILAKUKAN DENGAN LEBIH BAIK</i>
<ol style="list-style-type: none">1. Perancangan, kaedah dan tatacara kerja yang dilaksanakan oleh pihak JKR adalah mengikut prosedur dan garis panduan yang ditetapkan sepertimana dalam Sistem Pengurusan Bersepadu (JKR), Sistem SKALA, Surat Arahan Perbendaharaan, Surat Arahan Pekeliling, Pekeliling dan Garis Panduan yang terlibat.2. Pasukan projek JKR iaitu HOPT dan HODT adalah terdiri daripada JKR Negeri Pulau Pinang yang mana ia mewujudkan komunikasi dan kerjasama yang berkesan diantara satu sama lain kerana faktor kedudukan setempat.3. Kelulusan PDA dan kaedah perolehan projek yang dilaksanakan secara konvensional dipersetujui oleh pihak pelanggan.4. Pihak pelanggan memahami dan bersetuju dengan cadangan jadual perancangan projek dari peringkat perancangan sehingga peringkat pembinaan yang dicadangkan oleh pihak pelanggan.5. Mesyuarat koordinasi bulanan yang dianjurkan oleh pihak HOPT secara berkala telah mewujudkan komunikasi yang berkesan dalam memahami keperluan pihak pelanggan dan HODT dalam bidang masing-masing bagi menghasilkan rekabentuk yang terbaik selari dengan brif pelanggan.	<ol style="list-style-type: none">1. Ketiadaan lukisan siap bina bagi bangunan sedia ada yang lengkap sedikit sebanyak menyukarkan pihak HODT untuk menyediakan rekabentuk dalam tempoh masa yang singkat. Kerja-kerja pengukuran di tapak perlu dilaksanakan terlebih dahulu sebelum proses rekabentuk dapat dilaksanakan dimana proses ini memakan tempoh masa yang lama dan tenaga kerja yang ramai.2. Perlu diwujudkan pasukan yang lebih fokus di peringkat HODT dalam memastikan rekabentuk yang dihasilkan menepati brif pelanggan, mengikut peruntukan yang ditetapkan serta meliputi keseluruhan aspek dalam kesemua bidang.3. Pihak HOPT dan HODT perlu memastikan lukisan dan rekabentuk yang dihasilkan adalah menggunakan lukisan rekabentuk yang terkini bagi mengelakkan berlakunya kekurangan maklumat yang boleh menjelaskan projek.

PROJECT LEARNINGS WORKSHOP: KERJA-KERJA UBAHSUAI BANGUNAN BUDI PENYAYANG DI BERTAM UNTUK DIJADIKAN BANGUNAN PEJABAT JABATAN AUDIT NEGARA (JAN) NEGERI PULAU PINANG.

6. Tindakan proaktif dan komitmen yang ditonjolkan oleh semua pihak telah memudahkan proses rekabentuk dan perolehan dilaksanakan mengikut jadual yang telah ditetapkan.

LESSONS LEARNT:

PEMBELAJARAN

1. Komitmen dan sikap proaktif semua pihak dalam bekerjasama untuk menghasilkan sebuah rekabentuk yang menepati kehendak pelanggan telah memudahkan urusan tender dijalankan.
2. Komunikasi berkesan di antara HOPT, HODT dan pihak pelanggan merupakan kunci yang terbaik dalam mencari penyelesaian dan mencapai keputusan dalam menghasilkan rekabentuk efisien dan selamat yang meliputi segala aspek dalam semua bidang.
3. Kegagalan dalam memahami dan mengikut prosedur, pekeliling dan garis panduan yang telah ditetapkan boleh menyumbang kepada kegagalan pelaksanaan projek untuk berjalan dengan lancar sepetimana yang dirancangkan.

TEMPLATE TO BE USED FOR REPORT

3. EXECUTION <i>PELAKSANAAN</i>	
WHAT WENT WELL? <i>APA BERLAKU DENGAN LANCAR</i>	WHAT COULD HAVE BEEN DONE BETTER? <i>APA BOLEH DILAKUKAN DENGAN LEBIH BAIK</i>
<ol style="list-style-type: none">1. Pasukan pengawasan projek JKR dalam semua bidang yang dilantik adalah terdiri daripada JKR Negeri Pulau Pinang yang juga bertindak sebagai HODT bagi projek ini.2. Kaedah dan tatacara kerja yang dilaksanakan oleh pihak JKR adalah mengikut prosedur dan garis panduan yang ditetapkan sepetimana dalam Sistem Pengurusan Bersepadu (JKR), Sistem SKALA, Surat Arahan Perbendaharaan, Surat Arahan Pekeliling, Pekeliling dan Garis Panduan yang terlibat.3. Tempoh pembinaan selama 4 bulan yang dicadangkan telah dipersetujui oleh pasukan projek JKR dan pihak pelanggan.4. Pengurusan dan pemantauan projek dikawal selia mengikut Kontrak Dokumen.5. Mesyuarat Tapak diadakan sebulan sekali dan Mesyuarat Teknikal diadakan 2 kali sebulan bagi memantau prestasi projek dan mencari penyelesaian dalam isu-isu berbangkit yang berkaitan kontrak dan pembinaan.6. Kontraktor yang dilantik adalah kompeten dalam melaksanakan projek sepetimana kontrak.7. Komunikasi yang berkesan diantara pasukan JKR, pihak pelanggan dan pihak kontraktor memudahkan pelaksanaan projek mengikut jadual yang telah ditetapkan.	<ol style="list-style-type: none">1. Lanjutan masa (EOT) boleh dielakkan sekiranya semua HODT memberi fokus dan mengenalpasti keseluruhan aspek yang diperlukan mengikut bidang masing-masing semasa proses rekabentuk dilaksanakan.2. Ketiadaan software seperti Microsoft Project menyukarkan pihak HOPT dan HODT dalam membuat analisa, pemantauan dan penilaian kepada CPM dengan lebih efisien.

LESSONS LEARNT:
PEMBELAJARAN

1. Kewujudan pasukan projek iaitu HOPT dan HODT yang kompeten dan berdedikasi tinggi adalah perlu bagi dalam memastikan segala input yang diperlukan oleh bidang masing-masing dapat dikenal pasti pada peringkat rekabentuk dan perolehan bagi mengelakkan isu seperti *variation order (v.o)* dan lanjutan masa (eot) dapat dielakkan.
2. Kontraktor yang dilantik haruslah berdedikasi tinggi dan kompeten dalam memastikan projek yang dijalankan dapat disiapkan sepatimana kontrak.

TEMPLATE TO BE USED FOR REPORT

4. MONITORING PEMANTAUAN	
WHAT WENT WELL? APA BERLAKU DENGAN LANCAR	WHAT COULD HAVE BEEN DONE BETTER? APA BOLEH DILAKUKAN DENGAN LEBIH BAIK
<ol style="list-style-type: none">1. Pelantikan pegawai tapak bina (PTB) dalam membuat pemantauan kerja-kerja ditapak.2. Sistem SKALA diguna pakai dalam membuat pemantauan dan laporan kepada projek.3. Pelaporan status projek di tapak bina menggunakan aplikasi seperti Whatsapp mewujudkan komunikasi yang berkesan diantara semua pihak dalam memastikan projek dapat berjalan dengan lancar.4. Komunikasi yang berkesan diantara pasukan JKR, pihak pelanggan dan pihak kontraktor memudahkan pelaksanaan projek mengikut jadual yang telah ditetapkan.	<ol style="list-style-type: none">1. Pegawai tapak bina dan pegawai yang dilantik dalam memantau kerja-kerja di tapak perlu fokus dan sentiasa waspada dengan kerja-kerja yang dijalankan sejajar dengan skop kerja dan Kontrak Dokumen yang telah ditetapkan.2. Pemahaman pegawai dalam Perundangan Kontrak juga perlu dipertingkatkan dalam melahirkan pegawai yang kompeten dan berkemahiran tinggi.3. Kekurangan pegawai yang kompeten dalam penggunaan Sistem SKALA juga perlu dipertingkatkan dan diperbanyakkan bagi melancarkan pelaporan dan pemantauan projek di dalam system dengan lebih efisien dan tepat.

PROJECT LEARNINGS WORKSHOP: KERJA-KERJA UBAHSUAI BANGUNAN BUDI PENYAYANG DI BERTAM UNTUK DIJADIKAN BANGUNAN PEJABAT JABATAN AUDIT NEGARA (JAN) NEGERI PULAU PINANG.

LESSONS LEARNT:

PEMBELAJARAN

1. Kemahiran pegawai dalam penggunaan Sistem Skala, perundangan kontrak dan pengurusan projek perlu dipertingkatkan bagi melahirkan pegawai yang kompeten dan berkemahiran tinggi serta bagi menjamin projek dapat berjalan dengan lancar.

DRAFT

TEMPLATE TO BE USED FOR REPORT

5. OVERALL PROJECT ASSESSMENT (FOR COMPLETED PROJECTS) TAKSIRAN PROJECT SECARA KESELURUHAN	
ISSUE THAT POSITIVELY IMPACTED PROJECT <i>ISU-ISU YANG MEMBAWA KESAN POSITIF KEPADA PROJEK</i>	ISSUE THAT NEGATIVELY IMPACTED PROJECT <i>ISU-ISU YANG MEMBAWA KESAN NEGATIF KEPADA PROJEK</i>
<ol style="list-style-type: none">1. Dedikasi dan komunikasi berkesan antara pasukan projek JKR, pihak pelanggan dan kontraktor telah membolehkan projek ini dapat mencapai penyiapan projek 3 dalam 1 iaitu Perakuan Siap Kerja (CPC), lukisan siap bina dan Penyata Akaun Muktamad (SOFA).2. Koordinasi yang baik diantara pasukan projek JKR dan kontraktor dalam pelaksanaan projek di tapak bina membolehkan projek dapat disiapkan sepetimana di dalam kontrak.3. Pegawai yang kompeten dan fokus membantu dalam melancarkan proses pelaksanaan dan pemantauan projek berjalan dengan lancar.	<ol style="list-style-type: none">1. Lanjutan masa dan <i>variation order (v.o)</i> boleh dielakkan sekiranya semua pihak fokus dalam mengenalpasti input-input yang diperlukan semasa proses rekabentuk dan perolehan dilaksanakan.2. Kemahiran penggunaan Sistem SKALA yang betul dalam melaporkan dan memantau projek adalah perlu dipertingkatkan bagi mengelakkan berlaku kesalahan dalam memasukkan maklumat yang tepat.
ADDITIONAL COMMENTS <i>KOMEN TAMBAHAN</i>	